

**AMALAN DAN INISIATIF PENIAGA PASAR  
MINGGU  
UNTUK MENERUSKAN KELANGSUNGAN EKONOMI  
SEPANJANG TEMPOH PERGERAKAN (PKP):  
KAJIAN KES DI PEKAN RANAU, SABAH**



**JESSIE PADISAN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**AMALAN DAN INISIATIF PENIAGA PASAR  
MINGGU UNTUK MENERUSKAN KELANGSUNGAN  
EKONOMI SEPANJANG TEMPOH PERGERAKAN  
(PKP): KAJIAN KES DI PEKAN RANAU, SABAH**

**JESSIE PADISAN**



**LATIHAN ILMIAH DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN  
(GEOGRAFI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa penulisan kajian ini yang bertajuk "Amalan Dan Inisiatif Peniaga Pasar Minggu Untuk Meneruskan Kelangsungan Ekonomi Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP): Kajian Kes Di Pekan Ranau, Sabah" adalah hasil kerja saya sendiri kecuali sorotan dan rujukan yang telah dijelaskan sumbernya.

Tarikh:

---

JESSIE PADISAN

BA19110149



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **JESSIE PADISAN**

NO MATRIK : **BA19110149**

TAJUK : **AMALAN DAN INISIATIF PENIAGA PASAR MINGGU UNTUK MENERUSKAN KELANGSUNGAN EKONOMI SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP): KAJIAN KES DI PEKAN RANAU, SABAH.**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (GEOGRAFI)**



**1. PENYELIA UTAMA**

**DR. LINDAH ROZIANI BINTI JAMRU**

DISAHKAN OLEH:

**TANDATANGAN**

## PENGHARGAAN

Di ruangan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Linda Roziani binti Jamru yang banyak kanmemberi saya tunjuk ajar, idea, teguran, nasihat, sokongan dan motivasi sepanjang saya menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini. Kerana adanya penyelia saya yang begitu baik kepada saya, membuatkan saya terdorong dan bersemangat menyiapkan penulisan ilmiah ini walaupun berdepan dengan pelbagai masalah.

Khusus buat kedua ibu bapa saya Pn. Jovita binti Bongiet dan En. Padisan bin Kambigi, terima kasih atas dorongan dan sokongan dalam aspek mental dan juga kewangan. Tidak lupa buat adik saya yang turut menemani saya ketika mengutip data daripada para responden di pasar minggu pekan Ranau, Sabah. Bukan itu sahaja, kepada rakan seperjuangan yang lainnya terima kasih atas segala kebaikan berkongsi ilmu, pendapat dan semangat sepanjang saya menyempurnakan tugas ini.

Saya turut berterima kasih kepada pihak peniaga pasar minggu di pekan Ranau, Sabah kerana sudi meluangkan masa bagi menjawab borang soal selidik yang saya edarkan bagi mendapatkan data kajian. Sesungguhnya, saya begitu berterima kasih, menghargai dan bersyukur ditemukan dengan insan-insan yang telah saya sebut nama mahupun insan-insan yang membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung. Adanya kamu akhirnya saya berjaya menyempurnakan penulisan ilmiah ini.

Jessie Padisan

31 Julai 2022

## ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah menjejaskan banyak sektor seperti sektor perniagaan yang dijalankan oleh Industri Kecil Sederhana (IKS) disebabkan oleh penguatkuasaan perintah kawalan (PKP) yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan virus ini dalam kalangan masyarakat. Semasa tempoh PKP dijalankan banyak peniaga yang terjejas sumber pendapatannya kerana tidak dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh itu, tindakan dan inisiatif perlu dilakukan oleh para peniaga pasar minggu bagi meneruskan kelangsungan ekonomi dan sumber pendapatan mereka. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti profil dan ciri-ciri perniagaan pengusaha pasar minggu di pekan Ranau, Sabah, meneliti kesan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap aktiviti perniagaan pasar minggu pekan Ranau dan mencadangkan langkah dan usaha yang boleh dilakukan oleh para peniaga pasar minggu untuk meneruskan kelangsungan ekonomi semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Seramai 35 orang responden yang terdiri daripada peniaga pasar minggu di pekan Ranau, Sabah telah terlibat dalam kajian ini. Satu set soalan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang mengandungi 4 bahagian menggunakan pengukuran berskala likert. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)*. Secara keseluruhan perintah kawalan pergerakan PKP yang dilaksanakan sememangnya menjejaskan para peniaga pasar minggu di pekan Ranau, Sabah. Walaubagaimanapun, para peniaga pasar minggu di pekan Ranau menjalankan amalan dan inisiatif bagi meneruskan kelangsungan ekonomi mereka semasa tempoh PKP dilaksanakan.

**KATA KUNCI:** Peniaga pasar minggu, Impak pandemik COVID-19, Perintah kawalan pergerakan (PKP), kelangsungan ekonomi, amalan dan inisiatif.

## **ABSTRACT**

*The COVID-19 pandemic that hit Malaysia has affected many sectors such as the business sector run by Small and Medium Enterprises (SMEs) due to the enforcement of control orders (PKP) carried out by the government to curb the spread of this virus among the community. During the PKP period, many traders had their sources of income affected because they could not operate fully. Therefore, actions and initiatives need to be taken by the week market traders to continue their economic viability and source of income. This study was conducted to identify the profile and business characteristics of weekly market operators in Ranau town, Sabah, examine the effect of movement control order (PKP) on the business activities of Ranau town weekly market and suggest measures and efforts that can be done by weekly market traders. to continue economic viability during the period of the movement control order (PKP). A total of 35 respondents consisting of weekly market traders in Ranau town, Sabah were involved in this study. A set of questionnaire questions was used as a research instrument consisting of 4 sections using liket scale measurement. Study data were analyzed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) software. Overall, the PKP movement control order implemented has affected the weekly market traders in Ranau town, Sabah. However, the weekly market traders in Ranau town carried out practices and initiatives to continue their economic viability during the PKP period.*

**Key words:** *Week market traders, Impact of the COVID-19 Pandemic, Movement Control Order (MCO), economic survival, practices and initiatives.*

## SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1-5
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Permasalahan Kajian	7-8
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Skop Kajian	9
	1.6.1 Isu kajian	9
	1.6.2 Lokasi Kajian	10
	1.6.3 Responden Kajian	11
	1.6.4 Tempoh Masa Kajian	11
1.7	Konsep Utama Kajian	11
	1.7.1 Profil Perniagaan Pengusaha Pasar Minggu	11
	1.7.2 Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	12
	1.7.3 Usaha Untuk Meneruskan Kelangsungan Ekonomi	12
1.8	Kepentingan Kajian	12
	1.8.1 Pihak Akademik	12-13
	1.8.2 Pihak Berkuasa	13
	1.8.3 Orang Awam	13
1.9	Kesimpulan	14

## **BAB 2: TINJAUAN SOROTAN LITERATUR**

2.1	Definisi Penyakit Corona Virus (COVID-19)	15-16
2.2	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	16-18
2.3	Definisi Peniaga Pasar Minggu	18-19
2.4	Definisi Operasional Untuk Konsep Utama Kajian	20

2.4.1	Konsep Peniaga	20
2.4.2	Konsep Pengusaha Kecil-kecilan	20-21
2.4.3	Konsep Kelanngsungan Ekonomi	21
2.4.4	Konsep Pandemik COVID-19	21-22
2.5	Latar belakang teori dan model untuk kajian inisiatif peniaga pasar minggu meneruskan kelangsungan ekonomi	22
2.5.1	Prinsip Ekonomi Alfred	22-23
2.5.2	Teori Keperluan Maslow	23-25
2.6	Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Dengan Peniaga Yang Terjejas Akibat Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan oleh COVID-19	25-28
2.7	Impak Perintah Kawalan Pergerakan Terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	28-29
2.8	Langkah yang dilaksanakan oleh Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memastikan kelangsungan ekonomi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	29-30
2.8	Kesimpulan	31
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>32</b>
3.1	Pengenalan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	32-33
3.3	Kaedah Penyelidikan	33-34
3.3.1	Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	34-35
3.4	Instrumen kajian	35
3.4.1	Borang Soal Selidik	35-36
3.5	Populasi dan Persampelan	36-38

3.6	Teknik Pengumpulan Data	38-39
3.6.1	Data Primer	39
3.6.2	Borang Soal Selidik	39
3.6.3	Kaedah Pemerhatian	40
3.6.4	Foto	40
3.6.5	Data Sekunder	40-41
3.6.6	Media Massa	41
3.6.7	Sumber Internet	41-42
3.7	Teknik Analisis Data	42
3.7.1	Analisis Data	42
3.7.2	Persembahan Kajian	42
3.7.3	Kerangka Konseptual Kajian	43-44
3.8	Kesimpulan	44
<b>BAB 4: HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>		<b>45</b>
4.1	Pengenalan	45
4.2	Profil Demografi Responden	46
4.2.1	Jantina Responden	46
4.2.2	Umur Responden	47
4.2.3	Status Perkahwinan Responden	47
4.2.4	Etnik Responden	48
4.2.5	Agama Responden	48-49
4.2.6	Tahap Pendidikan Responden	49-50
4.3	Profil Perniagaan Responden	50
4.3.1	Jenis Perniagaan Responden	50-51

4.3.2	Pengalaman Berniaga Responden	51-52
4.3.3	Jenis Milikan Perniagaan Responden	52-53
4.3.4	Asal Usul Perniagaan Responden	53-54
4.3.5	Sebab Responden Memilih Perniagaan	54-55
4.3.6	Sumber Modal Responden	55-56
4.3.7	Kegunaan Untung Bagi Responden	56-57
4.3.8	Pendapatan Bulanan Responden	57-58
4.4	Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan	59-63
4.5	Langkah Dan Usaha Yang Boleh Dilakukan Oleh Para Peniaga Pasar Minggu Untuk Meneruskan Kelangsungan Ekonomi Semasa Tempoh PKP	64-67
4.6	Kesimpulan	68
<b>BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>		69
5.1	Pengenalan	69
5.2	Pencapaian Objektif	69-70
5.3	Kelebihan Kajian	71
5.4	Limitasi Kajian	71-72
5.5	Cadangan Lanjutan Kajian	72
5.6	Kesimpulan	72
<b>RUJUKAN</b>		73-78
<b>LAMPIRAN</b>		

## SENARAI RAJAH

Rajah 3.7:	Kerangka Konseptual	44
Rajah 4.1:	Jantina Responden	46
Rajah 4.2:	Umur Responden	47
Rajah 4.3:	Status Perkahwinan Responden	47
Rajah 4.4:	Etnik Responden	48
Rajah 4.5:	Agama Responden	49
Rajah 4.6	Tahap Pendidikan Responden	50
Rajah 4.7:	Jenis Perniagaan Responden	51
Rajah 4.8:	Pengalaman Berniaga Responden	52
Rajah 4.9:	Jenis Milikan Perniagaan Responden	53
Rajah 4.10:	Asal-usul Perniagaan Responden	54
Rajah 4.11:	Sebab Responden Memilih Perniagaan	55
Rajah 4.12:	Sumber Modal Responden	56
Rajah 4.13:	Kegunaan Untung Bagi Responden	57
Rajah 4.14:	Pendapatan Bulanan Responden	58

## SENARAI JADUAL

Rajah 2.5:	Teori Keperluan Maslow (1943)	23
Jadual 4.1:	Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan	60
Jadual 4.2:	Tafsiran Skor Min	61
Jadual 4.3:	Skor Min bagi Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan	62-63
Jadual 4.5:	Langkah dan Usaha Yang Boleh Dilakukan Oleh Para Peniaga Pasar Minggu Untuk Meneruskan Kelangsungan Ekonomi Semasa Tempoh PKP	65-66
Jadual 4.6:	Skor Min bagi Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Aktiviti Perniagaan	67

## **SENARAI SINGKATAN**

COVID-19: Coronavirus Disease 2019

PKP: Perintah Kawalan Pergerakan

SOP: Standard Operating Procedure

WHO: World Health Organization



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

### Senarai Foto

Foto 1:	Aktiviti mengedarkan borang Soal selidik kepada responden.	79
Foto 2:	Aktiviti mengedarkan borang soal selidik kepada Responden	80
Foto 3:	Jenis perniagaan responden	80
Foto 4:	Kawasan perniagaan makanan di kajian lapangan	81
Foto 5:	Jenis perniagaan responden	81
Foto 6:	Lokasi kajian pasar Ranau	82
Foto 7:	Lokasi kajian pasar Ranau	82
Borang Soal Selidik		83-87



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Tahun 2020 merupakan salah satu tahun yang sangat mencabar bagi orang yang hidup dipermukaan bumi khususnya dari segi mental dan juga fizikal seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana hampir seluruh dunia telah dilanda dengan pandemic COVID-19 juga dikenali sebagai Coronavirus yang mana virus COVID-19 ini julung-julung kalinya muncul dan wujud serta menyerang manusia tanpa mengira jantina, peringkat umur dan juga latarbelakang seseorang individu tersebut.

Persoalannya apakah itu pandemik dan juga apakah Coronavirus? Pandemik merupakan penularan sesebuah wabak penyakit yang baru di seluruh dunia yang mana orang ramai boleh dijangkiti dengan mudah dan penyakit tersebut dapat merebak tanpa halangan secara berterusan daripada seorang individu kepada individu yang lain di seluruh pelusuk dunia (Dr. Lee Yew Fong, 2020). Deklarasi pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia merujuk kepada penularan luas wabak penyakit dan bukan betapa teruknya penyakit tersebut. Manakala Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV) (Dr. Lee Yew Fong, 2020). Coronavirus yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19).

Pandemik COVID-19 yang menimpa dunia telah memberikan banyak kesan yang buruk serta menjejaskan kehidupan normal setiap manusia di muka bumi. Kehidupan normal manusia dimuka bumi seperti bergerak bebas dan berjalan ke sana ke sini dengan tujuan melancong dan juga bekerja tidak dapat dijalankan semasa tempoh pandemic COVID-19 yang melanda dunia. Pandemik Covid-19 yang berlaku ini sekaligus telah menjejaskan ekonomi negara termasuklah ekonomi rakyat di negara yang terlibat. Dan salah satu

negara yang terlibat dan juga telah menerima banyak impak negatif daripada penularan pandemic COVID-19 adalah Malaysia.

Negara Malaysia dilanda pandemik COVID-19 ini sekitar awal bulan March yang mana pada masa tersebut kluster terbesar pada ketika itu dikaitkan dengan perhimpunan agama Jemaah Tabligh yang diadakan di Sri Petaling, Kuala Lumpur yang membawa kepada kenaikan besarbesaran dalam kes tempatan. Peningkatan kes COVID-19 yang berlaku di Malaysia ini telah memaksa pihak berkuasa untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perdana menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa mereka telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berkuatkuasa dari 18 sehingga 31 March 2020. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan serta merta adalah bertujuan untuk mengawal penularan wabak COVID-19 dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Terdapat beberapa fasa-fasa yang telah terdapat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia untuk menangani masalah penularan pandemic COVID-19 ini daripada terus merebak dan menjangkiti rakyat Malaysia.

Antara fasa-fasa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam menangani penularan pandemic COVID-19 adalah pada 18 Mac 2020 Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa 18 hingga 31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada 23 Mac 2020, tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan sehingga 14 April berikutan perkembangan semasa memperlihatkan bahawa, tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan sehingga 14 April berikutan perkembangan semasa memperlihatkan bahawa berlakunya peningkatan kes positif COVID-19 dalam kalangan rakyat Malaysia (Harian Metro, 2020).

Pada 10 April 2020 tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan lagi sehingga 28 April untuk mengelakkan penularan kembali wabak COVID-19. Dan bukan itu sahaja, tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilanjutkan kembali untuk memberikan peluang kepada petugas

kesihatan untuk memerangi Coronavirus ini. Petugas kesihatan ini juga dikenali sebagai petugas paling hadapan ataupun frontliners. Seterusnya pada 23 April 2020, tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan semula untuk tempoh dua minggu lagi sehingga 12 Mei 2020 (Harian Metro, 2020).

Seterusnya pada 1 Mei 2020, pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang mana dalam tempoh ini sebahagian besar daripada aktiviti sosial dan juga ekonomi dibenarkan untuk beroperasi mulai 4 sehingga 12 Mei. Namun begitu, aktiviti sosial dan juga ekonomi yang dibenarkan untuk beroperasi itu haruslah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan yang dikenali sebagai Standard Operating Prosedure (SOP) (Iqiglobal, 2020).

10 Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilanjutkan lagi sehingga 9 Jun yang mana pergerakan rentas negeri dibenarkan dan rakyat Malaysia dapat melakukan perjalanan melalui pergerakan rentas negeri untuk pulang ke kampung halaman masing-masing. Walau bagaimanapun, pada tempoh ini pergerakan rentas negeri dengan tujuan menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri adalah tidak dibenarkan. Dan pada tempoh ini merupakan waktu-waktu yang sukar kerana rakyat Malaysia ingin balik ke pangkuan keluarga masing-masing untuk merayakan Hari Raya.

Pada 7 Jun 2020, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin telah mengumumkan bahawa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Dalam tempoh ini lebih banyak kelonggaran yang diberikan kepada rakyat Malaysia yang bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos. Pada 28 Ogos 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilanjutkan semula sehingga 31 Disember (Harian Metro, 2020)

Semasa 12 Oktober 2020, pihak kerajaan telah mengumumkan semula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Sabah yang bermula pada 13 Oktober sehinggalah 26 Oktober 2020. Manakala Selangor, Kuala Lumpur, dan Putrajaya masing-masing bermula 14 Oktober sehinggalah

27 Oktober 2020. Pada 26 Oktober 2020, kerajaan telah mengumumkan bahawa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Sabah dilanjutkan semula sehingga 9 November (Iqiglobal, 2020).

Pada 7 November 2020, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di kawasan Semenanjung Malaysia kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan yang bermula 9 November 2020 sehinggalah 6 Disember 2020. Pada 20 November 2020, pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri Kedah, Melaka, Johor dan juga Terengganu ditamatkan pada 21 November 2020.

Pada 5 Disember 2020 kerajaan telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Sabah dilanjutkan selama 14 hari bermula dari 7 Disember sehinggalah 20 Disember 2020. Bukan itu sahaja, pada 18 Disember 2020 kerajaan sekali lagi memberikan pengumuman bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur, Selangor dan juga Sabah serta beberapa lokaliti di negeri-negeri lain dilanjutkan lagi sehingga 31 Disember 2020. Sekali lagi pada 28 Disember, pihak kerajaan mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur, Selangor dan juga Sabah serta beberapa lokaliti di negeri-negeri lain dilanjutkan sehingga 14 Januari 2020 (Iqiglobal, 2020).

Terdapat beberapa implikasi ataupun kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antaranya adalah dalam sektor ekonomi. Sektor ekonomi khususnya perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (PKS) turut menerima impak akibat daripada Pandemik yang melanda serta penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dalam tempoh PKP ini, banyak aktiviti perniagaan terjejas dan seterusnya menyebabkan pendapatan bulanan para pengusaha perusahaan kecil dan sederhana berkurangan (Wong Hua, 2020). Perniagaan kecil dan sederhana (PKS) beroperasi dalam pelbagai sektor di Malaysia. Selain itu, ia menyumbang dengan ketara kepada operasi keseluruhan industri, memberikan sumbangan besar kepada KDNK (Salleh & Ndubisi, 2006). Terdapat beberapa aktiviti yang dikategorikan sebagai aktiviti

ekonomi yang melibatkan PKS termasuk pertanian dalam bentuk paling asas, pembuatan, termasuk pertanian dalam bentuk paling asasnya, dan perkhidmatan berkaitan pembinaan, perlombongan dan kuari, perkhidmatan dan pembuatan. PKS sering disebut sebagai salah satu kuasa yang memacu pertumbuhan ekonomi negara. PKS boleh meningkatkan pengeluaran negara melalui penjana eksport, membuka peluang pekerjaan, menyepadukan perniagaan, dan membantu dalam penciptaan beberapa industri berskala sederhana atau besar (Nantahkumar et al. 2004). Ia berfungsi sebagai asas kepada pertumbuhan ekonomi negara dan tempat untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan seseorang (Ab Aziz & Zakaria, 2010).

Perkaitan pembangunan PKS telah diakui oleh kedua-dua negara maju dan membangun kerana peranan kritikalnya dalam pembangunan ekonomi dan keupayaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang cepat sambil mewujudkan peluang pekerjaan (Reddy, 1991). Kepentingan PKS melangkaui negara maju kepada dua negara membangun (Priyanath, 2006). Ramai sarjana berminat untuk mengkaji prestasi PKS kerana pertumbuhan pesat PKS di seluruh negara. Nor hasni (2005) mendakwa beberapa faktor Kualiti pengurus dan pemilik, bentuk keusahawanan atau pengurusan, umur perniagaan, saiz firma berdasarkan bilangan pekerja, geografi dan perbezaan sektor industri adalah sebahagian daripada faktor-faktor yang telah dikaji berhubung dengan prestasi PKS. Menurut kajian Rosman 2009, penunjuk prestasi lain untuk perniagaan kecil adalah umur, saiz, jenis perniagaan, ijazah pendidikan, pemilik/pengurus, teknik pengurusan, pengalaman, dasar kerajaan, dan program mikrokredit.

Walaupun bidang PKS ini memberikan banyak sumbangan kepada ekonomi negara namun akibat daripada penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan telah menjejaskan pendapatan serta kelangsungan ekonomi pengusaha PKS. Maka dengan itu para pengusaha PKS khususnya perlu beradaptasi dengan keadaan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan wabak COVID-19 dan menjalankan perniagaan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi membolehkan mereka untuk tetap memperolehi sumber pendapatan walaupun dalam tempoh kawalan pergerakan dikuatkuasakan.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia telah menyebabkan kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan masyarakat dunia. Disebabkan oleh kekhuatiran yang dihadapi oleh setiap negara akan peningkatan jangkitan dan penularan virus COVID-19 maka dengan itu salah satu tindakan perintah kawalan pergerakan telah dikuatkuasakan secara serta-merta di kebanyakan negara termasuklah Malaysia sendiri. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan ini dikuatkuasakan bagi membatasi pergerakan rakyat agar risiko terdedah akan jangkitan virus COVID-19 ini dapat dibendung penularannya.

Tidak dinafikan bahawa langkah pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang perlu dipatuhi oleh seluruh rakyat Malaysia memberikan manfaatnya terutamanya kepada kawalan penularan COVID-19 ini dalam kalangan masyarakat. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac 2020 yang menyebabkan penutupan semua premis perniagaan kecuali yang menyediakan barangan dan perkhidmatan yang penting. Penguatkuasaan perintah ini diperketatkan dari semasa ke semasa iaitu secara berperingkat telah menunjukkan peningkatan pematuhan yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, langkah lain yang dilaksanakan adalah media berperanan dalam memberikan maklumat terkini serta nasihat umum kepada masyarakat secara berterusan. Hasilnya menunjukkan bahawa bilangan kes baharu dan aktif COVID-19 telah menunjukkan airan penurunan yang dilihat jelas sejak pertengahan bulan April sekali gus menunjukkan keberkesanan kawalan pergerakan dan pematuhannya (Tang K, 2022).

Walaupun bagaimanapun, akibat daripada penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan ini terdapat premis perniagaan yang terpaksa ditutup dan hanya perniagaan yang bersifat perkhidmatan penting negara atau *essential services* sahaja yang dibenarkan beroperasi dan ini termasuklah peruncitan dan bekalan makanan. Peruncitan dan bekalan makanan ini tergolong dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Walaupun sektor ini dapat berfungsi semasa berkuatkuasanya perintah kawalan pergerakan semasa tempoh pandemik COVID-19 namun tidak dinafikan bahawa para peniaga turut mengalami bukan sahaja kerugian terhadap perniagaan mereka namun juga terhadap barangan jualan yang mereka miliki. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun masih boleh terus beroperasi namun begitu pihak kerajaan turut menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan jangkitan penyakit COVID-19 di premis perniagaan khususnya pasar minggu.

Sudah tentu dengan adanya penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan dan prosedur operasi standard ini memberikan cabaran khususnya kepada para peniaga terutamanya peniaga pasar minggu dalam memastikan jualan mereka memberikan keuntungan seterusnya sumber pendapatan mereka dalam menampung perbelanjaan hidup. Maka dengan itu kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti amalan dan inisiatif yang dilakukan oleh para peniaga pasar minggu bagi memastikan kelangsungan ekonomi mereka semasa tempoh perintah kawalan pergerakan dikuatkuasakan.



### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Tahun 2020 merupakan salah satu tahun yang sangat mencabar kepada semua lapisan masyarakat seluruh dunia termasuklah Malaysia khususnya dari ekonomi, sosial, budaya dan psikologi (Nik Azmi et al, 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana hampir seluruh dunia dilanda dengan COVID-19 turut dikenali sebagai Coronavirus yang mana virus COVID-19 ini julung-julung kalinya muncul dan wujud serta menyerang manusia tanpa mengira jantina, peringkat umur dan juga latarbelakang seseorang individu tersebut.

Pandemik COVID-19 yang menimpa dunia memberikan banyak kesan yang buruk serta menjejaskan kehidupan normal setiap manusia di muka bumi. Kehidupan normal manusia di muka bumi seperti bergerak bebas dan berjalan ke sana ke sini dengan tujuan melancong dan bekerja tidak dapat dijalankan semasa tempoh Pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Pandemik Covid-19 yang berlaku ini sekaligus menjejaskan ekonomi negara termasuklah ekonomi rakyat di negara yang terlibat. Salah satu negara yang terlibat dan menerima banyak impak negatif daripada penularan Pandemik COVID-19 ialah Malaysia.

Peningkatan kes Covid-19 yang berlaku di Malaysia ini telah memaksa pihak berkuasa untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perdana menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa mereka telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berkuatkuasa dari 18 sehingga 31 March 2020. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan serta merta adalah bertujuan untuk mengawal penularan wabak Covid-19 dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penguatkuasaan PKP ini memberikan impak kepada seluruh rakyat Malaysia dan ini termasuklah rakyat di negeri bawah bayu iaitu Sabah.

Sektor ekonomi khususnya perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (PKS) turut menerima impak akibat daripada Pandemik yang melanda serta penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dalam tempoh PKP ini, banyak aktiviti perniagaan terjejas dan seterusnya menyebabkan pendapatan

bulanan para pengusaha perusahaankecil dan sederhana berkurangan (Wong Hua, 2020). Rakyat di Sabah khususnya di pekan Ranau yang menjalankan aktiviti meniaga di pasar minggu merupakan antara golongan yang terjejas disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda serta penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan. Maka dengan itu peniaga pasar minggu ini yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan melalui perniagaan di pasar minggu akan terjejas. Oleh itu, tindakan dan inisiatif perlu dilakukan oleh para peniaga pasar minggu bagi meneruskan kelangsungan ekonomi dan sumber pendapatan mereka. Namun apakah amalan dan inisiatif yang dapat dilakukan oleh para peniaga pasar minggu di pekan Ranau. Sejauh manakah keberkesanan amalan dan inisiatif yang telah dilaksanakan.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Dalam kajian ini persoalan yang akan dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Apakah profil dan ciri-ciri perniagaan pengusaha pasar minggu di pekan Ranau, Sabah?
2. Bagaimanakah kesan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap aktiviti perniagaan pasar minggu di pekan Ranau.
3. Bagaimanakah langkah dan usaha yang dilakukan oleh para peniaga pasar minggu untuk meneruskan kelangsungan ekonomi semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).